

Perbezaan Sosio-Ekonomi dan Konflik: Satu Kajian Kes. Sanusi Osman. Akademika 18

ABSTRAK

Kertas ini cuba menganalisa kegiatan ekonomi dan politik orang-orang Melayu, Cina dan India di Mukim Labu. Kertas ini juga membuncangkan peluang-peluang perhubungan yang terdapat di antara kumpulan etnik, jenis-jenis perhubungan dan konflik di antara kumpulan-kumpulan tersebut. Kewujudan pengkhususan ekonomi dan pengasingan tempat tinggal di kalangan kumpulan-kumpulan etnik ini bukan saja telah mengurangkan peluang-peluang perhubungan di antara kumpulan etnik tetapi juga memperkuatkan prasangka etnik, stereotaip dan etnosentrisme di kalangan anggota-anggota kumpulan etnik. Selain dari itu, partai-partai politik yang ada di kawasan ini adalah berasaskan kumpulan etnik. Partai-partai ini telah menggunakan faktor etnik sebagai alat untuk mencapai tujuan politik mereka. Akibatnya, konflik kepentingan dan nilai yang wujud di kalangan individu dari berbagai kumpulan etnik itu telah diinterpretasikan dengan mudah sebagai konflik etnik.

ABSTRACT

This paper examines the economic and political activities of Malays, Chinese and Indians in Mukim Labu and discusses also the available opportunities for inter-ethnic contact, the types of inter-ethnic relations and the conflicts between ethnic groups. The presence of economic specialisation and residential segregations among the ethnic groups has not only reduced the opportunities for inter-ethnic contact but also strengthened ethnic prejudices, stereotypes and ethnocentrism among members of ethnic groups. In addition, the popular political parties in the area are ethnically based. These political parties are using ethnicity as a mechanism for achieving their political ends. As a result, conflict of interests and values among individuals of different ethnic groups can easily be interpreted as ethnic conflicts.